

MEMO DALAMAN PEJABAT SPSB/SP MARKETING

Kepada: Kakitangan Sinergi Perdana Sdn Bhd (SPSB) & Kumpulan

Daripada: Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Sinergi Perdana Sdn Bhd

Ruj.: SPSB/MEMO/SHE/12/2019 (1) **Tarikh:** 3 Disember 2019

Perkara : **KEMASKINI PENGGUNAAN BUKU LOG BAGI KAKITANGAN SPSB
YANG KELUAR DAN MASUK SEMASA WAKTU BEKERJA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sinergi Perdana Sdn. Bhd. (SPSB) Bil. 5 yang diadakan pada 19 November 2019 telah memutuskan bahawa semua kakitangan SPSB yang ingin keluar dan masuk semasa waktu bekerja diwajibkan mengisi Buku Log di pondok pengawal sebelum dibenarkan keluar dari kawasan SPSB berkuatkuasa serta merta dari tarikh memo ini dikeluarkan.

3. Hal ini bertujuan untuk melancarkan proses pengesanan kakitangan sekiranya berlaku sebarang kecemasan di SPSB atau melancarkan proses tuntutan caruman PERKESO sekiranya berlaku sebarang kemalangan di luar kawasan SPSB semasa waktu bekerja.

Kerjasama daripada semua kakitangan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
SINERGI PERDANA SDN. BHD.


.....
MOHD IHWAN BIN SUDIM
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan